

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

15. Apakah jumlah kerugian Negeri Pulau Pinang akibat *partial lockdown* COVID-19 semasa ianya berkuasa dari 18 Mac sehingga 14 April?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

15. Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi Laporan Tahunan 2019 yang dikeluarkan pada 3 April 2020 telah membuat unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara yang rendah di antara -2.0 % dan 0.5% berikutan gangguan bekalan, permintaan dan perdagangan di peringkat global yang terganggu akibat daripada wabak COVID-19.

Bagi Negeri Pulau Pinang, Penang Institute menjangkakan sektor perkhidmatan mengalami kesan yang paling ketara memandangkan aktiviti-aktiviti perkhidmatan penginapan, industri makanan dan minuman, pengangkutan serta peruncitan dan perdagangan mengalami pergerakan yang perlahan akibat wabak COVID-19. Sektor pembinaan juga dijangka mengalami pertumbuhan perlahan akibat kemelesetan ekonomi secara am. Bagi sektor pembuatan pula dijangka akan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan dan melibatkan syarikat-syarikat yang menghasilkan peralatan perubatan serta komponen-komponen berkaitan. Sebaliknya, sektor pertanian dijangka akan mengalami pertumbuhan yang stabil berikutan peningkatan dalam permintaan tempatan.

Buat masa ini, kerugian yang dialami oleh sektor-sektor ekonomi seperti pembuatan, pelancongan, perkhidmatan dan lain-lain tidak diperolehi memandangkan belum ada kajian atau bancian menyeluruh yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan berkenaan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, MITI, BNM dan juga Penang Institute.

